

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 OKTOBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 29

## IP Malaysia catat 111.3 mata

# IP Malaysia catat 111.3 mata

Naik empat peratus pada Ogos 2022, ekonomi dijangka terus meningkat

### KUALA LUMPUR

Indeks Pelopor (IP) Malaysia merekodkan peningkatan sebanyak empat peratus kepada 111.3 mata pada Ogos 2022 berbanding 107.0 mata yang dicatatkan pada Ogos 2021, sekali gus menunjukkan momentum pertumbuhan ekonomi akan terus bergerak dalam aliran menaik.

IP adalah alat yang digunakan untuk menjangkakan kenaikan dan penurunan ekonomi dalam purata empat hingga enam bulan ke hadapan.

Menurut Jabatan

Perangkaan Malaysia (DOSM), pertumbuhan pada Ogos 2022 ini disokong terutama oleh kenaikan kukuh dalam bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan, import benar logam asas berharga dan logam bukan ferus lain serta bilangan syarikat baru didaftar.

"Berbanding bulan sebelumnya, IP kembali kepada pertumbuhan positif 1.6 peratus pada Ogos 2022 daripada negatif 2.0 peratus didorong terutama oleh bilangan unit kediaman yang diluluskan pembinaan (1.1 peratus) dan import benar semikonduktor (1.0 peratus)," tambahnya dalam kenyataan pada Selasa.

DOSM menjelaskan, dalam melangkah ke hadapan, terdapat tanda-tanda bahawa Malaysia akan terus mengekalkan momentum pertumbuhannya seperti yang dijejaki oleh indeks arah aliran



Ekonomi Malaysia dijangka terus meningkat apabila IP negara meningkat sebanyak empat peratus kepada 111.3 mata pada Ogos lalu.

jangka panjang terlicin memandangkan ia kekal melepasi 100 mata.

"Walau bagaimanapun, prestasi pertumbuhan ekonomi bergantung kepada inisiatif yang diambil untuk

menangani kos sara hidup dan usaha dalam mengurangkan kesan pertumbuhan ekonomi dan aktiviti perdagangan global yang perlahan," tambahnya. - Bernama